

KUALA LUMPUR, 11 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN MENGIMPORT KAYU YANG DIPROSES UNTUK MEMBANTU NEGARA INI MENGURANGKAN KADAR PENEBAANGAN HUTAN.

PERDANA MENTERI BERKATA BANYAK NEGARA DI DUNIA MENYERU NEGARA-NEGARA PENGELUAR KAYU TERMASUK MALAYSIA, MENGURANGKAN KADAR PENEBAANGAN TETAPI TIDAK SEBARANG BANTUAN KE ARAH MENCAPAI TUJUAN ITU.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA BELEPAS MELAWAT INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN DI KEPONG, DEKAT SINI, BELIAU BERKATA BAGI NEGARA-NEGARA TERSEBUT MUDAH MEMBUAT SARANAN SEDEMIKIAN TETAPI MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN MEMERLUKAN WANG UNTUK MEMBIAYAI PEMBANCUNANNYA.

+MEREKA ITU SEDAP BERCAKAP SAJA DAN ADA JUGA ORANG KITA SENDIRI YANG TURUT MELATAH+, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENYARANKAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN SUPAYA MENEMPATKAN KILANG-KILANG MEMPROSES KAYU DI NEGARA INI SUPAYA MALAYSIA AKAN MEMPEROLEHI FAEDAH SEPENUHNYA DARI SEMUA KEGIATAN INDUSTRI PEMEROSAN KAYU-KAYAN.

---LAGI 1625/AN

MAHATHIR-KAYU 2 KUALA LUMPUR

DENGAN MENEMPATKAN KILANG MASING-MASING DI NEGARA INI MALAYSIA DAPAT MENGGUNAKAN SUMBER KAYU DENGAN MAKSIMUM DAN HANYA MENGEKSPORT BARANG SIAP, KATANYA.

LANGKAH INI AKAN MEMBANTU NEGARA INI MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGGUNAAN SUMBER KAYU DAN MENGURANGKAN KADAR PENEBAANGAN HUTAN, KATA BELIAU.

BELIAU LALU MENYATAKAN USAHA PENANAMAN SEMULA HUTAN JUGA MEMERLUKAN PERBELANJAAN YANG BESAR.

MENGENAI PENGUMUMAN KERAJAAN UNTUK MENGHARAMKAN EKSPORT BALAK DARI SEMENANJUNG MALAYSIA MULAI TAHUN DEPAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ITU TIDAK AKAN MENJEJASKAN PENDAPATAN PARA PENGELUARNYA KERANA JUMLAH YANG DIEKSPORT SEKARANG IALAH HANYA 41,000 METER PADU ATAU 0.5 PERATUS DARIPADA JUMLAH PENGELUARAN SEPENUHNYA.

NEMANG SEPATUTNYA LEBIH BANYAK KAYU DIEKSPORT DARI NEGARA INI BALA BENTUK YANG SUDAH DIPROSES, TAMBAHNYA.

HANYA SABAH DAN SARAWAK SAHAJA DIBENARKAN MENGEKSPORT KAYU BALAK YANG BELUM DIPROSES, KATA BELIAU.

---LAGI 1629/AN

ICZC B579

MAHATHIR-KAYU 3 KUALA LUMPUR

SEMENTARA ITU MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK. PAUL LEONG KHEE SEONG YANG MENGIGINGI PERDANA MENTERI DALAM LAWATANYA KE INSTITUT ITU BERKATA MALAYSIA BELUM LAGI MENANDATANGANI PERJANJIAN PERKAYUAN ANTARABANGSA YANG DITAJA OLEH PERSIDANGAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENGENAI PERDAGANGAN DAN PEMBANGUNAN (UNCTAD).

+KITA MASIH LAGI MENKAJINYA KHUSUSNYA PERUNTUKAN MENGENAI KAYU KERAS TROPICAL+, KATANYA.

BELIAU TIDAK MEMBERPKAN BUTIR-BUTIR LANJUT.

---BERNAMA 1633/AN